

Ucapan Sempena  
Majlis Penghargaan Kepada Mantan Naib Canselor Kedua  
Universiti Sains Islam Malaysia

***'Sekalung Kasih Segunung Budi'***  
Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Asma Ismail  
*Naib Canselor*  
*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Cruise Tasik Putrajaya*  
30 Januari 2013M / 19 RabiulAwal 1434H

---

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis pada malam ini

[Salutasi]

Assalamualaikum wa-Rahmatullahi Taala wa-Barakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, pada malam nan indah ini marilah kita terlebih dahulu sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat berada di Cruise Tasik Putrajaya pada malam ini.
2. Pada awal bicara ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-dato' dan rakan-rakan semua kerana dapat hadir dan ucapan terima kasih yang istimewa ingin saya rakamkan buat tokoh yang

amat berjasa dan berbudi kepada USIM, iaitu Yang Berbahagia Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Pengerusi LPU dan merupakan Naib Canselor USIM yang pertama dan Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor kedua USIM, kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita di kelilingi oleh tasik yang amat mengasyikkan di Putrajaya pada malam ini.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-dato' dan Hadirin Sekalian,**

3. Saya belum lagi mempunyai nostalgia yang panjang bersama USIM. Dilantik sebagai Naib Canselor wanita pertama di USIM pada 1 Disember 2012 menghadirkan perasaan resah berbaur risau untuk menempuhi cabaran yang bakal dihadapi. Sebelum saya datang ke USIM, pelbagai andaian telah diberikan kepada saya; antaranya saya perlu memakai jubah hitam sepanjang masa. Tidak kurang juga ada yang berlawak jenaka mengucapkan takziah di samping tahniah.

4. Walau bagaimanapun, kesemua cabaran yang telah dan bakal dihadapi tidak sama sekali mematahkan semangat saya kerana saya dapat melihat sesuatu yang mampu ditonjolkan oleh USIM. USIM sebenarnya mempunyai imej dan citra yang tersendiri. Sebagai Universiti komprehensif berfokus, terdapat pelbagai elemen yang mampu menjelmakan '*blue ocean*' yang boleh diberi perhatian. Ini adalah berdasarkan pemerhatian saya melalui siri-siri perjumpaan dengan Fakulti dan PTJ sepanjang dua bulan lalu. USIM begitu unik dan keunikan inilah yang ingin saya tonjolkan yang mana USIM merupakan sebuah Universiti yang berteraskan Sains dan Pengajian Islam, dan

kedua-dua ini diintegrasikan dengan pendekatan Ilmu Aqli dan Naqli. Tumpuan utama saya adalah untuk memfokuskan bagaimana bidang sains ini akan menjadi mekanisme atau momentum tujuhan utama memacu USIM bersaing dengan institusi perdana sedia ada. Bidang pengajian Islam dan sains yang ditawarkan di USIM mampu diintegrasikan sepenuhnya. Pendekatan pendidikan Islam tradisional dijenama dan direjuvenasi dengan pendekatan ilmu muasir (kontemporari).

5. Sebenarnya USIM sudah mempunyai asas dan hanya perlu dikembangkan lagi dengan lebih jitu. Saya selalu mengingatkan diri saya dan rakan-rakan bahawa ilmu yang ada ini perlu disebar dan dipulangkan kembali akan manfaatnya kepada masyarakat. Ilmu akan terus berkembang jika disebar dengan mekanisme tertentu.

6. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada mantan-mantan Y.Bhg. Naib Canselor USIM yang terdahulu kerana telah menyediakan asas yang kukuh untuk saya teruskan dalam membawa Universiti ini ke satu tahap yang lebih cemerlang. Dengan izin-Nya, saya akan sedaya upaya memartabatkan USIM ke arah yang lebih gemilang dan terbilang.

**Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-dato' dan Hadirin Sekalian,**

7. Malam ini merupakan malam 'Sekalung Kasih Segunung Budi' khusus kepada Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda. Sukar bagi kami untuk menterjemahkan penghargaan dan melafazkannya melalui kata-kata kerana jasa, budi dan sumbangan Y.Bhg. Dato' selaku Naib

Canselor Kedua USIM amatlah besar dan tidak bisa dikarang kesemuanya. Justeru, izinkan saya menyampaikan bingkisan kata melalui pantun dan gurindam;

*Pergi ke kedai membeli roti,  
Roti dimakan bersama kaya,  
Amalan baik budi pekerti,  
Disayang orang di mana jua.*

*Kain yang carik cuma dihujung,  
Dibuat alas penggilap kendi,  
Budi yang baik tetap dijunjung,  
Dengan ikhlas jayanya budi.*

*Sirih junjung buat pinangan,  
Dihias indah cantik ditatang,  
Tradisi kita dilupa jangan,  
Adat dikendong budaya di julang.*

*Tan Sri Yusof Noor Pengerusi pengasas,  
Tan Sri Abdul Shukor Pengerusi pelengkap,  
Jasa serta budi Dato' Muhamad Muda sukar dibalas,  
Diharap Malam Sekalung Kasih Segunung Budi inilah  
sebahagian jawab.*

8. Akhir kalam, sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda atas segala jasa bakti yang telah Dato' curahkan kepada USIM selama ini, bermula sebagai Dekan Pengasas FEM, seterusnya menjadi TNCAA dan Naib Canselor USIM. Semoga Y.Bhg. Dato' dan Datin

sekeluarga berada dalam kesejahteraan serta diberi kesihatan yang berpanjangan. Semoga kita semua diberkati Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nawaitu serta usaha yang telah dan akan kita laksanakan demi kecemerlangan Universiti ini.

9. Sekian. Wabillahi Taufiq wal-Hidayah.

10. Assalamualaikum wa-Rahmatullahi Taala wa-Barakatuh.